

# IQRA



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

[www.facebook.com/library.uitm](http://www.facebook.com/library.uitm) [www.instagram.com/ptaruitm](http://www.instagram.com/ptaruitm) [perpustakaanuitm.blogspot.my](http://perpustakaanuitm.blogspot.my) BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

## MAJLIS PERUTUSAN PENTADBIRAN UiTM 2019

ASPIRASI MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Majlis Perutusan Pentadbiran UiTM 2019 telah diadakan pada 25 April 2019 di Dewan Agong Tuanku Canselor pada jam 9.00 pagi.

Perutusan telah disampaikan oleh Pendaftar UiTM, Bendahari UiTM, Ketua Pustakawan UiTM, Pengarah Pusat Kesihatan UiTM, Pengarah Pembangunan UiTM dan Ketua Pegawai Teknologi Maklumat UiTM.

Ketua Pustakawan UiTM telah memilih **Read@Uni “With Knowledge We Lead”** sebagai tema perutusan pada tahun ini bagi mempertingkatkan aktiviti membaca di kalangan mahasiswa, Pensyarah dan Staf Pentadbiran.

## BENGKEL LITERASI MAKLUMAT PERPUSTAKAAN UiTM MENGIKUT FORMAT RDA



Tarikh: 23-25 April 2019 (Selasa - Khamis)

Waktu: 9.00 pagi - 4.30 petang

Bengkel Literasi Maklumat Perpustakaan UiTM telah dijalankan pada 23-25 April 2019 yang lalu. Seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada Pustakawan Kanan dan Pustakawan dari PTAR Shah Alam dan juga Perpustakaan UiTM Cawangan yang mengendalikan Kelas Kemahiran Maklumat telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk membantu peserta menguasai modul-modul baharu bagi Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) untuk diajar kepada pelanggan perpustakaan disamping menguasai kaedah-kaedah penulisan yang betul bagi penerbitan penyelidikan dan menerbitkan penulisan menggunakan platform akses terbuka.

## BENGKEL MOOC's@PTAR BERSAMA iNED



Tarikh: 22 April 2019 (Isnin)

Waktu: 9.00 pagi - 4.30 petang

Bengkel MOOC's@PTAR Bersama iNED telah dihadiri oleh 19 orang pegawai yang terdiri daripada moderator modul MOOC's PTAR. Bengkel ini bertujuan untuk melakukan migrasi platform MOOC's yang lama kepada platform baharu MOOC's UiTM. Selain itu juga, melalui bengkel ini, peserta telah diajar untuk memurnikan serta menambahbaik kandungan serta paparan MOOC's@PTAR.

## KURSUS PENGURUSAN DAN REPUTASI RISIKO



Kursus Pengurusan dan Reputasi Risiko anjuran Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran telah diadakan pada 5 April 2019 di Bilik Seminar, PTAR Shah Alam. Kursus ini telah dikendalikan oleh YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Ismail Sualman iaitu Pengarah Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM. Seramai 40 peserta yang terdiri dalam kalangan pustakawan UiTM dan juga dari universiti awam lain telah menghadiri kursus ini. Objektif kursus adalah bagi mengenalpasti punca dan kategori risiko di jabatan / agensi masing-masing bagi membolehkan langkah-langkah pencegahan awal dapat diambil bagi mengekalkan reputasi.

## DIGITAL MARKETING WORKSHOP



Digital Marketing Workshop telah diadakan pada 11-12 April 2019 di Bilik Seminar dan Pusat IT, PTAR. Objektif bengkel ini diadakan adalah bagi memanfaatkan penggunaan media sosial dalam mempromosi perkhidmatan dan maklumat perpustakaan. Peserta yang terlibat di dalam kursus ini adalah seramai 40 orang pustakawan. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut medium sosial media yang terpilih untuk membuat pembentangan. Bengkel yang dilaksanakan dengan aktiviti yang menarik dan santai ini telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Lennora Putit, Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM.

## KURSUS PENGURUSAN DATA DAN ANALISIS



Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran telah menganjurkan Kursus Pengurusan Data dan Analisis pada 15-16 April 2019 bertempat di Pusat IT, PTAR Shah Alam. Peserta yang hadir adalah seramai 27 orang terdiri dalam kalangan Pustakawan di Shah Alam dan juga Kampus Cawangan. Penceramah jemputan bagi kursus ini adalah YBhg. Prof Dr. Zamalia Mahmud dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM. Peserta kursus diajar berkenaan kaedah dan teknik menganalisis data perpustakaan menggunakan perisian SPSS. Diharapkan kursus ini dapat meningkatkan kompetensi staf dalam bidang penganalisaan statistik bagi penyediaan laporan perpustakaan yang analitis (analytic).

### SPEAKERS' CORNER



Speakers' Corner merupakan Inisiatif yang menyokong Program Read@Uni dimana ia memberi peluang kepada mahasiswa mahasiswi untuk melontarkan idea secara terbuka dan intelektual. Mahasiswa mahasiswi akan membuat perkongsian ilmu dengan berhujah dan memberikan pandangan serta mengemukakan solusi yang terbaik. Ia juga merupakan gelanggang bagi mahasiswa mahasiswi untuk menyerlahkan kebolehan dalam pengucapan awam, mengungkap buah fikiran dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dengan baik dan berkesan.

## PERKONGSIAN MAKLUMAT: BENGKEL PEMANTAPAN PENGINDEKSAN



Tarikh: 18 April 2019

Tempat: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan sesi Perkongsian Maklumat susulan dari Bengkel Pemantapan Pengindeksan Mengikut Format RDA yang dihadiri oleh Pn.Roslinah Harun dan Pn.Roslin Nordin di PTAR, UiTM Shah Alam. Perkongsian ini khusus bagi pengindeksan menggunakan modul Article di dalam sistem WILS. Tujuan sesi dijalankan adalah bagi meningkatkan kemahiran pengkatalogan dan pengelasan mengikut standard Resource Description and Access (RDA) di kalangan Pembantu Pustakawan.

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT @PERPUSTAKAAN



Tarikh: 23 April 2019

Tempat: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka

Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit ini diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka turut terlibat dengan menganjurkan aktiviti membaca bersama selama 10 minit pada 23 April 2019 jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. Turut diadakan pameran buku perpustakaan dan Pertandingan Photosnap@Library.

## PROGRAM READ@UNI: PUSINGAN AKHIR PROGRAM 'YOUNG MOTIVATOR SELECTION 1.0'



Pada 1 April 2019, telah berlangsung Pusingan Akhir Program Read@Uni: Program 'Young Motivator Selection 1.0'. Program ini dianjurkan oleh Unit Kerjaya Dan Kaunseling dengan kerjasama pelajar HPD119, Kelab Rhetoriks dan Pusat Sumber UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Program ini diadakan bagi tujuan untuk memilih peserta terbaik untuk mewakili UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya ke Program University Motivator Competition (UMAC) di UiTM Shah Alam pada 12 – 14 April 2019. Disamping itu, program ini dapat mewujudkan kesedaran dikalangan pelajar UiTM akan pentingnya kemahiran komunikasi di hadapan khalayak ramai dalam menyampaikan mesej-mesej yang baik kepada masyarakat awam. Seramai 10 orang peserta telah terpilih menyertai program UMAC di UiTM Shah Alam.

## PROGRAM READ@UNI: SPEAKERS' CORNER – WHAT IS MY STRENGTH?



Tarikh: 10 April 2019  
Tempat: Pusat Sumber Aras 12, UiTM Cawangan Melaka,  
Kampus Bandaraya

Pada 10 April 2019, telah berlangsung Program Read@Uni: Speakers' Corner – What Is My Strength?. Program ini akan dijalankan secara bersiri iaitu 2 kali sebulan pada setiap hari Rabu sepanjang semester berlangsung. Pada 10 April 2019 seramai 5 orang peserta telah menyertai program ini bagi tujuan untuk mengasah bakat mahasiswa / mahasiswi khususnya yang berada di Kampus Bandaraya Melaka dalam menguasai teknik pengucapan awam sekaligus menjadikan ianya satu budaya yang dilestarikan sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## SESI TAKLIMAT BERSAMA BENQ



**Tarikh:** 19 April 2019

**Tempat:** Pusat Sumber Aras 12, UiTM Cawangan Melaka,  
Kampus Bandaraya

Pada 19 April 2019 Pusat Sumber Kampus Bandaraya Melaka telah mengadakan satu sesi taklimat bersama BenQ. Ini adalah bagi menyokong usaha pihak pengurusan UiTM Cawangan Melaka ke arah IR4.0. Seramai 11 peserta terdiri daripada Bahagian Perpustakaan dan Unit IT telah turut serta dalam sesi taklimat ini. Pusat Sumber Aras 12, kini sedang dalam projek menjadikan perpustakaan yang menggunakan teknologi terkini dengan memberi perkhidmatan digital kepada pelajar.



## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT MODUL: OPEN ACCESS FOR SCHOLARLY PUBLICATION

Disediakan oleh: Azrina binti Kasim




Kelas Kemahiran Maklumat yang dihadiri oleh Pelajar Diploma Pengurusan Maklumat (IM110), Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Rembau. Modul yang diajar bagi sesi KKM kali ini ialah Open Access for Scholarly Publication. Kelas ini dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan dihadiri oleh 24 orang pelajar.

## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT MODUL: ONLINE DATABASE



Pada 02 April 2019, jam 02.30 hingga 04.30 petang bertempat di Makmal Komputer 2, PTAR Kampus Rembau telah diadakan Kelas Kemahiran Maklumat yang dihadiri oleh Pelajar Diploma Pengurusan Maklumat (IM110), Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Rembau. Modul yang diajar bagi sesi KKM kali ini ialah Online Database. Kelas ini dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan dihadiri oleh 15 orang pelajar.

## BOOK REVIEW @PTAR KAMPUS REMBAU



18 April 2019| Dalam usaha PTAR Kampus Rembau menyokong program Read@Uni ini, Program Book Review @PTAR Kampus Rembau telah dilaksanakan sebagai satu langkah untuk menggalakkan budaya membaca dikalangan warga UiTM Kampus Rembau. Pengguna perpustakaan akan diberi peluang untuk membuat ulasan buku terhadap buku yang mereka baca samaada milik sendiri ataupun dipinjam di Perpustakaan. Ulasan buku boleh dibuat samaada melalui video atau penulisan dimana setiap ulasan buku ini akan dimuatnaik atau repost di dalam media sosial PTAR Kampus Rembau dengan menggunakan tagar (#) #UITMmembaca, #Malaysiamembaca, #readuitm, #UiTMN9membaca, #bookreview. Setiap pengguna yang menyumbangkan dan membuat ulasan buku ini akan diberikan cenderahati sebagai tanda penghargaan serta galakan kepada mereka untuk menyumbangkan lagi idea dan ulasan-ulasan buku yang lebih menarik untuk dikongsi kepada pengguna yang lain. Program ini berjalan sepanjang tahun 2019.

## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT MODUL: EASY WRITE WITH MICROSOFT WORD




Pada 17 April 2019, jam 08.30 hingga 10.30 pagi bertempat di Makmal Komputer 2, PTAR Kampus Rembau telah diadakan Kelas Kemahiran Maklumat yang dihadiri oleh Pelajar Diploma Komunikasi & Media (MC110), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Kampus Rembau. Modul yang diajar bagi sesi KKM kali ini ialah Easy Write with Microsoft Word. Kelas ini dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan) dan dihadiri oleh 24 orang pelajar.

## KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT MODUL: ADVANCED LITERATURE RESEARCH I (SCOPUS: WORLD'S LARGEST SCIENTIFIC DATABASE)



Kelas Kemahiran Maklumat yang dihadiri oleh Pelajar Diploma Komunikasi & Media (MC110), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Kampus Rembau. Modul yang diajar bagi sesi KKM kali ini ialah Advanced Literature Search I (Scopus: World's largest scientific database). Kelas ini dikendalikan oleh Cik Nor Azrina Kasim (Pustakawan)

### KNOWLEDGE@HI-TEA : SESI ULASAN NASKAH OLEH STAF PTAR KAMPUS REMBAU



22 April 2019|Knowledge@Hi-TEA: Sesi Ulasan Naskah oleh Staf PTAR Kampus Rembau. Aktiviti ini merupakan salah satu usaha dalam menyokong program Read@Uni. Selain dari pelajar, staf Perpustakaan sendiri perlu memupuk minat membaca dan berkongsi ilmu yang dibaca dengan staf yang lain.

## PENCAPAIAN EMAS TIGA BINTANG SIJIL PENGIFTIRAFAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)



# TAHNIAH!

Pada 22 November 2018 yang lalu, telah berlangsung Audit Pensijilan QE/5S oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Utara di Perpustakaan Sultan Badlishah telah diadakan pada bulan November 2018.

Alhamdulillah melalui sesi pengauditan berkenaan, pihak Perpustakaan bukan sahaja berjaya mengekalkan Pensijilan QE/5S buat kali kelima TETAPI turut menerima pencapaian EMAS 3 BINTANG daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)!

## PENGLIBATAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH DI DALAM FORUM TRANSFORMASI PERPUSTAKAAN ABAD KE-21



**OBJEKTIF:** Membincangkan peranan Revolusi 4.0 dan sumbangan impak kepada peranan dan hala tuju Perpustakaan di abad ini dan meneliti perspektif pembangunan komuniti dalam revolusi industri 4.0.

Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM Utara) telah menganjurkan Forum Transformasi Perpustakaan Abad ke-21 pada 25 April 2019 di Dewan Perdana, UiTM Cawangan Kedah. Forum Transformasi Perpustakaan Abad ke-21 ini telah membincangkan topik 'Revolusi Industri 4.0 & Peranan Perpustakaan Abad ke-21'. Kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah telah dipertanggungjawabkan untuk bertugas sebagai Penyambut Tetamu. Ramai ahli-ahli Persatuan Pustakawan Malaysia, wakil-wakil institusi / Agensi luar, dan para pelajar telah hadir. Perjalanan forum ini telah berlangsung dengan lancar.

# PROGRAM JOM SEMAK ANJURAN PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH BERSAMA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI CAWANGAN SG.PETANI



## PENDAHULUAN

Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Sungai Petani telah menganjurkan satu program kesedaran yang dinamakan 'Jom Semak'. Program 'Jom Semak' ini telah berlangsung pada 15 April 2019.

## OBJEKTIF

- Menyalurkan maklumat dan memberi kesedaran mengenai sistem cukai kepada warga UiTM Cawangan Kedah
- Membantu warga UiTM Cawangan Kedah mengisi e-filing dengan bantuan pegawai terlatih daripada LHDN

## OBJEKTIF

Program 'Jom Semak' ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Timbalan Rektor PJI UiTM Cawangan Kedah, Prof.Madya Dr. Roshima Hj Said. Sesi perasmian turut dihadiri oleh Pengurusan Kanan UITM Cawangan Kedah, kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik dan turut dihadiri oleh para pelajar. Sejurus selesai perasmian, sesi taklimat mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan LHDN. Sesi e-filing telah berlangsung bermula jam 2 petang sehingga 4 petang. Ramai kakitangan kampus telah hadir untuk konsultasi bersama pihak LHDN.

## PROGRAM SANTAI BUKU PAB @ PWTC

Disediakan oleh: Mohd Fadhl bin Samsudin



Pada 6 April 2019, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah membawa para pemenang bagi Program Santai Buku PAB @ PWTC ke Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC. Program yang bermula sejak 22 Mac 2019 ini menetapkan pelajar dan staf yang berminat perlu meminjam dan berkongsi bahan bacaan yang telah dibaca di dalam satu link yang disediakan oleh pihak Perpustakaan Al-Bukhari. Penyertaan yang terpilih akan di bawa ke Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC. Objektif utama program adalah untuk mempergiatkan aktiviti galakan membaca di kalangan warga institusi. Kumpulan sasaran program ini ialah pelajar dan staf kampus. Program ini berjaya menarik penyertaan yang menggalakkan dan para peserta menunjukkan kesungguhan dalam memenuhi setiap syarat yang ditetapkan. Ini menunjukkan keinginan untuk membaca masih tebal dalam diri para peserta. Jumlah penyertaan program adalah seramai 32 orang.



## PROGRAM KEPIMPINAN PENGAWAS SEKOLAH KEBANGSAAN JENGKA PUSAT 2



Pada 12 April 2019, Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Jengka Pusat 2 telah mengadakan Program Kepimpinan Pengawas bertempat di PAB. Program yang dijalankan dalam bentuk LDK memanfaatkan sepenuhnya ruang perpustakaan dengan aktiviti 'explorace'. Objektif utama program lebih menjurus kepada pembinaan diri peserta sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam memimpin, menekankan konsep ilmu dan adab sebagai pemimpin yang perlu dipupuk dengan semangat membaca seawal sekolah rendah lagi. Kumpulan sasaran program ini ialah pemimpin pelajar SKJP 2. Rata-rata peserta menyatakan keseronokan menyertai program ini dan berharap agar dapat diadakan lagi masa akan datang. Jumlah penyertaan program adalah seramai 94 orang pelajar.

## PROGRAM "CARE TO SHARE; WITH KNOWLEDGE, WE LEAD!"



Pada 13 April 2019, Perpustakaan Al-Bukhari dengan kerjasama mahasiswa UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah mengadakan Program "Care To Share; With Knowledge, We Lead!" di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih Chow Kit. Program yang dijalankan menyenaraikan pelbagai aktiviti yang menarik untuk para pelajar. Antaranya explorace di sekitar kawasan sekolah, latihan dalam kumpulan dan 'make over' perpustakaan sekolah. Objektif utama program adalah untuk menerap pemikiran para peserta bahawa pentingnya ilmu dalam kehidupan searian dan keyakinan diri untuk bekerja dalam kumpulan. Juga ubahsuai perpustakaan sekolah adalah salah satu cara untuk mendekatkan pelajar dengan ilmu. Kumpulan sasaran program ini ialah pelajar SBJK. Program yang julung kali diadakan di sekolah ini mendapat sambutan yang baik dari pelajar dan guru. Jumlah penyertaan program adalah seramai 54 orang pelajar.

## PROGRAM CSR: PERPUSTAKAAN BERSAMA PELAJAR SK BINJAI, KEMAMAN



Tarikh: 29 April 2019

Tempat: SK Binjai, Kemaman Terengganu

### Objektif:

- Mewujudkan jaringan dan jalinan dengan pelbagai agensi komuniti masyarakat melalui program kerjasama dan usahasama perpustakaan.
- Berkongsi kepakanan dalam asas penjilidan dan memulihara bahan perpustakaan.
- Mempelbagaikan fungsi dan peranan perpustakaan dalam membudayakan membaca.
- Merupakan program khidmat sosial UiTM Cawangan Terengganu dengan masyarakat setempat dalam menyemarakkan aktiviti membaca.

## PERPUSTAKAAN BERGERAK @ TERATAK CENDEKIAWAN BIL. 2/2019



Tarikh: 15 hingga 17 April 2019 (9.00 pagi hingga 3.00 petang)

Tempat: Dewan Buana Hotel UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

Pelbagai jenis bahan bacaan dipamerkan sedia untuk dipinjam. Turut dilaksanakan beberapa aktiviti iaitu Pertandingan 'Book Shelving', Teka Sinonim, Kuiz Menangga Kata, Label the Books, dan Menara Buku: Teka Jumlah Buku. Juga disediakan Anugerah Pengunjung dan Peminjam Bertuah bagi menarik minat warga UiTM Cawangan Terengganu untuk berkunjung ke lokasi program. Hadiah disampaikan oleh En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan.

## PROGRAM READ@UNI: SANTAI BICARA ILMU @PTA



*Penceramah 1: Dr Shahrizal bin Mahpol*

*Penceramah 2: Prof Madya Norhaiyati Abdul Muin*

*Tarikh: 30 April 2019*

*Masa : 10:00 Pagi - 12:30 Tengahari*

Program Santai Bicara Ilmu adalah satu program yang dianjurkan secara usahama oleh Pihak PTA dengan Unit Latihan , Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kelantan dalam usaha menyokong gerakan Membudayakan Amalan Membaca di peringkat universiti seperti mana saranan YBM Dr Maszlee Malek – Menteri Pendidikan Malaysia agar budaya ilmu dan membaca di peringkat universiti diperkemaskin lagi dengan program dan aktiviti yang menarik. Melalui program ini, pihak pengangur akan menjemput penceramah jemputan dari dalam dan luar UiTM bagi sesi perkongsian maklumat yang selari dengan pelbagai topik seperti ilmu keibupuan, produktiviti kerja, kecemerlangan organisasi, motivasi, dan santapan rohani dan jiwa. Di samping aktiviti perkongsian maklumat, pihak PTA juga akan mengadakan promosi Buku Terkini @PTA untuk sesi makluman dan pinjaman kepada semua tetamu yang hadir.

Program Bicara Santai @ PTA telah dihadiri lebih kurang 50 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil bahagian, ahli PTA Reader's Club dan juga Pustakawan Kanan dan kakitangan PTA. Sesi perkongsian tentang 10 Amalan Rasulullah s.a.w Jemputan menarik minat peserta melalui kupasan tajuk dan perbincangan di mana para peserta di beri kefahaman tentang puasa, perkara membatalkan puasa , hukum puasa dan juga 10 Amalan Sunnah ketika di Bulan Ramadhan. Sesi kedua perkongsian, Prof Madya Norhaiyati menerangkan perbezaan otak dan minda dan sesi latihan Minda, di mana kejayaan seseorang personality individu bergantung kepada keupayaan beliau mengawal kuasa minda mereka dalam menentukan tindakan yang menjurus kepada kejayaan seseorang. Pameran buku meliputi Buku-Buku Masakan, Agama, Motivasi, Dekorasi Rumah / Taman dan juga Kesihatan turut diadakan dan seramai 50 Buah buku telah dipinjam oleh wakil –wakil bahagian semasa 2 jam program berlangsung.

## READ @PTAR

Disediakan oleh: Hapsah Binti Suut



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Program Read@PTAR pada 23 April 2019 bertempat di Ruang Santai, PTAR Kampus Samarahan 2, sempena program mari membaca serentak selama 10 minit.

Program ini merupakan acara tahunan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Se-Malaysia (MPAM) Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Program ini bertujuan menyemai budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia dengan membaca apa sahaja bacaan yang digemari dan dilakukan dimana-mana sahaja.

## PROMO BUKU 20 MITOS SENAMAN & KESIHATAN@PTAR

Pada 23 April 2019, jam 2.00 petang di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan sarawak Kampus Samarahan telah berlangsungnya promosi buku yang berjudul 20 mitos senaman & kesihatan. Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan sarawak ingin mengucapkan tahniah Patricia Pitil dan Juliana Wahed merupakan Pensyarah UiTM Cawangan Sarawak atas terbitnya karya mereka yang diterbitkan oleh PTAR Sarawak. Seramai 70 orang yang mengikuti promosi buku tersebut. Tahniah sekali lagi.



## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-90

Tarikh : 10-11 April 2019

Tempat : Dewan Taming Sari, UiTM Cawangan Melaka



### PROGRAM D.A.R.E 2019 KEMPEM ANTI DADAH

Tarikh : 22 April 2019 (Isnin)

Tempat : Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka



### PROGRAM L.E.A.F (LOVE EARTH AND FUTURE)

Tarikh : 23 April 2019 (Selasa)

Tempat : Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### KUNJUNGAN DARI KETUA PUSAT PENGAJIAN & PENSYARAH KANAN FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN UiTM PUNCAK ALAM

Tarikh: 1 April 2019 (Isnin)

Tempat: Pusat Sumber, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya



### PROGRAM BRISK WALK CHALLENGE: 10K STEPS 2019 (SIRI 3, APRIL)

Tarikh: 19 April 2019 (Jumaat)

Tempat: Sepanjang Sungai Melaka

# BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



## PAMERAN HTT 505 : PHILOSOPHY OF TOURISM SEMPENA FORUM NUSANTARA 2019

ANJURAN FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN  
DENGAN KERJASAMA PUSAT SUMBER UTAM CAWANGAN MELAKA  
KAMPUS BANDARAYA

23 - 25 APRIL 2019  
9.00 Pagi - 5.00 Petang  
PUSAT SUMBER ARAS 1  
UTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA

### PAMERAN :

- |                             |                  |                |
|-----------------------------|------------------|----------------|
| - KOMPANG                   | - SILAT          | - ADAT MERENAS |
| - BAUJ KURUNG               | - DONDONG SAYANG | - ADAT PEPAH   |
| - KEBAYA                    | - DARAH ZAFIN    | - SONGKET      |
| - KRAFTANGAN BAKUL MALAYSIA | - ORANG MELAYU   | - GADING       |
| - PRIMADANAH                | - BAHASA MELAYU  | - TULISAN JAWI |
| - BATIK                     |                  | - BACKPACKER   |

TERDAPAT KUIZ DAN HADIAH MENANTI ANDA DI SANA!



## PAMERAN HTT 505: PHILOSOPHY OF TOURISM SEMPENA FORUM NUSANTARA 2019

Tarikh: 23 - 25 April 2019

Tempat: Pusat Sumber Aras 1, UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya




## PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT 2019

Tarikh: 23 April 2019 (Selasa)  
Tempat: UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran

**MINI PAMERAN @ PTAR : ISRAK MIKRAJ 'SUATU PERJALANAN AGUNG'**

Tarikh : 02 April 2019 (Selasa)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**MAJLIS PERPISAHAN PUAN NORBAINAH BASRI**

Tarikh : 12 April 2019 (Jumaat)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### PROGRAM " JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT "

Tarikh : 23 April 2019 (Selasa)

Masa : 11.00 - 11.10 pagi

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



### LATIHAN PENYUSUNAN BAHAN DI RAK OLEH PELAJAR , FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT(IM244), UiTM KAMPUS REMBAU

Tarikh : 02 April 2019 (Selasa)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



### ISTIADAT KONVOESYEN KE-90 UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Tarikh : 07 dan 08 April 2019

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



### MAJLIS SAMBUTAN RAMADHAN, BACAAN YASSIN DAN TAHЛИL

Tarikh : 30 April 2019 (Selasa)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah



### SESI PEMERIKSAAN KESELAMATAN BANGUNAN FIRE CERTIFICATE IBU PEJABAT BOMBA

Tarikh : 18 April 2019 (Khamis)

Tempat : Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah



### PROGRAM JOM BACA 10 MINIT

Tarikh : 23 April 2019 (Selasa)

Masa : 11.00 pagi – 11.10 pagi

Tempat : Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



## PROGRAM JOM BACA BERSAMA-SAMA 10 MINIT & BICARA ILMU: FLASHLIGHT - SIRI 7

Tarikh: 23 April 2019 (Selasa) & 26 April 2019 (Jumaat)  
Tempat: Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### PROSES PELUPUSAN SKRIP KERTAS JAWAPAN PEPERIKSAAN

Tarikh: 3 April 2019 (Rabu)

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang



### PROSES PENILAIAN DAN PEMISAHAN FAIL DAN REKOD BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Tarikh: 11 April 2019 (Khamis)

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### PROGRAM BERSAMA PERSATUAN BAHASA INGGERIS SKJP 2

Tarikh: 17 April 2019 (Rabu)

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang



Tweets Tweets & replies Media Likes

nr.sfwm\_ @saff\_wani · 5d  
"Let's Read 10 Minutes, Wherever You Are"

\*Agent or representatives\*  
Sec 68 appoint to any person to be an agent to another person tax..  
It should be:  
1) the appointment must be in written  
2) appoiment may revoked at any time

2 1.3 5

Show this thread

nr.sfwm\_ @saff\_wani · 5d



### PROGRAM "JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT"

Tarikh: 23 April 2019 (Rabu)

Tempat: Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) UiTM Cawangan Pahang

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



### PELANCARAN PROGRAM READ@UNI

Tarikh : 30 April 2019 (Selasa)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang



### READ@UNI : MY FAVOURITE READ

Tarikh : 30 April 2019 (Selasa)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



### PROGRAM CSR: GOTONG-ROYONG PUSAT SUMBER & TAMAN ILMU SK BINJAI, KEMAMAN

Tarikh : 18 April 2019 (Khamis)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Sekolah Kebangsaan Binjai, Kemaman, Terengganu



### PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

Tarikh : 23 April 2019 (Selasa)

Masa: 11.00 pagi hingga 11.10 pagi

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Terengganu



### ISTIADAT KONVOKESYEN KE-90 UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Tarikh : 24 dan 25 April 2019

Tempat : Dewan Aspirasi UiTM Cawangan Terengganu.

**BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM**

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



## **PROGRAM 'UniSZA LIBRARY TOUR – TOGETHER WE SHARE' ANJURAN KELAB SKATER UiTM CAWANGAN TERENGGANU**

Tarikh : 15 April 2019 (Isnin)

Tempat : Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, Terengganu



## **LAWATAN PELAJAR SMK PURUN, TRIANG KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN UiTM CAWANGAN TERENGGANU**

Tarikh : 14 April 2019 (Ahad)

Tempat : Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun



## **MAJLIS PERSARAAN PUAN FATIMAH YUSOF**

Tarikh : 14 April 2019 (Ahad)

Masa: 9.00 pagi - 1.00 tengahari

Tempat : Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### PROGRAM KULIAH DHUHA

Tarikh: 3 April 2019 (Rabu)

Penceramah: Ustaz Mohd Miqdad Aswad bin Ahmad

Tempat: Bilik Mesyuarat Perpustakaan Tengku Anis , UiTM Cawangan Kelantan



### BENGKEL PENGAWAS PUSAT SUMBER SMK MERANTI PASIR MAS KELANTAN

Tarikh: 4 April 2019 (Khamis)

Masa: 9.30 pagi -3.00 petang

Tempat: Perpustakaan Tengku Anis , UiTM Cawangan Kelantan

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### LAWATAN DARI SEKOLAH MENENGAH SERIAN

Tarikh : 1 April 2019 (Isnin)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak



### FAKULTI ATTACK - FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI

Tarikh : 2 dan 9 April 2019

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak



### LATIHAN PANGKALAN DATA (BLIS)

Tarikh : 11 April 2019 (Khamis)

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak

## BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan  
Lawatan  
Pameran



### LAWATAN SAMBIL BELAJAR UiTM CAWANGAN SABAH

Tarikh: 23 April 2019 (Selasa)

Masa: 8.30 pagi

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak



### PROGRAM TAZKIRAH JUMAAT @ PTAR

Tarikh: 26 April 2019 (Jumaat)

Tempat: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak